
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

JIB 419 – ZOOFISIOLOGI PERSEKITARAN

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan.

Setiap jawapan mesti dijawab di dalam buku jawapan yang disediakan.

Setiap soalan bernilai 20 markah.

1. Manusia yang tinggal di kawasan pergunungan tinggi seperti di Himalaya dan Andes mempunyai beberapa penyesuaian fisiologi dan biokimia pada sistem peredaran mereka. Bincangkan pernyataan ini.

(20 markah)
2. Terangkan pengudaraan tekanan negatif pada mamalia dan pengudaraan aliran terus pada burung.

(20 markah)
3. Huraikan kesan suhu dan kelembapan ke atas komuniti haiwan pengurai berdasarkan suatu kajian spesifik.

(20 markah)
4. Beberapa spesies berudu katak boleh hidup bersama di dalam suatu mikrokosma. Bincangkan fenomena ini dengan merujuk kepada spesies amfibia tempatan.

(20 markah)
5. Bincangkan kesan suhu pengeraman terhadap pengkhususan jantina, jangka masa pengeraman dan kemandirian lepas menetas pada kura-kura gurun (*Gopherus agassizi*).

(20 markah)
6. Bincangkan prestasi penyelaman Burung Pependang Jepun dengan merujuk kepada kajian Watanuki, Kato dan Naito.

(20 markah)